

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN MOHD. IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)
SOALAN 1 (A74)**

Kanak-kanak perlu diberikan pendidikan agar masa depan mereka cerah serta menjadi modal insan berguna. Namun, ramai juga dikalangan mereka (anak-anak gelandangan / jalanan) yang tercicir dan tidak mendapat pendidikan disebabkan permasalahan dokumentasi. apakah inisiatif kerajaan agar anak-anak ini dapat menerima pendidikan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan Dasar Pendidikan Wajib, Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha untuk memastikan semua warganegara berumur dari 7 tahun hingga 12 tahun mendapatkan akses kepada kemudahan pendidikan yang disediakan. Justeru itu, untuk memastikan kanak-kanak yang menghadapi masalah dokumentasi tidak tercicir dari pendidikan arus perdana, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberi kelonggaran melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.1/2009 bertarikh 11 Mac 2009 (kemasukan Kanak-kanak Warganegara tanpa dokumen ke sekolah)..

Dengan syarat :

1. Mana-mana salah seorang ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara Malaysia
2. Surat Pengesahan atau surat perakuan Ketua Kampung bahawa kanak-kanak tersebut adalah anak kepada warganegara Malaysia.

Prosedur Permohonan:

1. Permohonan kanak-kanak warganegara tanpa dokumen ke sekolah kerajaan/bantuan kerajaan hendaklah dipohon oleh ibu atau bapa/penjaga kanak-kanak tersebut.
2. Pemohon perlu melengkapkan borang permohonan yang telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan disertakan bersama-sama sesalinan kad pengenalan ibu atau bapa/penjaga yang telah disahkan.
 - a. Borang MWTD/SPI. 1/2009 (borang permohonan)
 - b. Borang MWTD/PKK (borang pengesahan ketua kampung)
3. Permohonan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Pendidikan Negeri bagi proses kelulusan dan penempatan kepada pemohon.
4. Sebanyak 84 kelulusan penempatan telah dibuat pada 01.01.2018 hingga 31.10.2018 bagi tahun 2018.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

YB DATO' IR. SYED SIS BIN SYED A. RAHMAN (TG. SURAT)
SOALAN 2 (A2)

Banyak permohonan pinjaman perumahan untuk rumah mampu milik ditolak oleh bank. Antara sebab-sebabnya ialah tidak mempunyai penyata gaji / pendapatan, pekerjaan tidak tetap, tiada rekod pinjaman dan bermacam lagi. Apakah kerajaan negeri ada perancangan untuk membantu pemohon-pemohon berkenaan?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Untuk makluman Dewan yang Mulia, kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap isu-isu pembiayaan bagi Perumahan Rakyat Johor. Kerajaan telah bekerjasama dengan AmBank Islamic Berhad dengan memperuntukkan dana sebanyak RM 300 juta bagi memberi peluang kepada rakyat Johor untuk mendapatkan pembiayaan.

Mana-mana bakal pembeli yang telah gagal mendapatkan pembiayaan dari bank-bank komersil, mereka diberi peluang kedua untuk mendapatkan pembiayaan melalui skim ini. Walau bagaimanapun pemohon mestilah tidak disenarai hitam daripada Bank Negara Malaysia serta lahir di negeri Johor.

Untuk makluman juga, kerajaan telah memudahkan cara pemohon untuk menyertai skim ini. Bakal pembeli hanya perlu memohon secara atas talian melalui erumah.johor.gov.my

Berikut disertakan ringkasan permohonan dibawah Skim Pembiayaan Rumah Mampu Milik Johor (SPRMMJ) bagi Perumahan Rakyat Johor sehingga Oktober 2018:

Status	Jumlah Pemohon	Penggunaan Dana
Diluluskan:	77	-
SPRMMJ	57	RM 9,700,000
<i>Normal</i>	12	-
<i>Institusi Kewangan Lain</i>	4	-
Dibatalkan	37	-
Ditolak	38	-
Tiada Rekod	50	-
Dalam Proses	34	-
Jumlah	236	RM 9,700,000

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

Walau bagaimanapun, terdapat juga permohonan dibawah SPRMMJ yang ditolak disebabkan faktor komitmen pemohon yang tinggi (melebihi kadar komitmen 60% yang ditetapkan oleh Polisi Bank Negara Malaysia bagi B40, akaun dalam pemerhatian, bukti pendapatan tidak mencukupi, pelanggan tidak dapat dihubungi dan tiada rekod dalam sistem.

Seterusnya, kerajaan juga memberi alternatif lain untuk membantu rakyat Johor memiliki rumah. Kerajaan telah memperuntukkan dana sebanyak RM 30 juta bagi skim sewa beli. Skim ini diuruskan oleh syarikat Generasi Takzim Sdn. Bhd. Syarikat ini merupakan anak syarikat kepada Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) yang merupakan GLC bagi negeri Johor. Bakal pembeli hanya boleh memohon projek yang disenaraikan sahaja dan akan diberi tempoh percubaan menyewa selama 2 hingga 5 tahun sebelum tawaran pembelian akan diberi. Dari jumlah bayaran sewaan yang dikenakan, 50% dari jumlah itu akan dijadikan sebagai tabungan kepada bakal pembeli untuk dijadikan sebagai wang pendahuluan bagi rumah tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN MD. YSAHRUDIN BIN HJ. KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 3 (A186)**

Berapakah jumlah koperasi yang aktif dalam memainkan peranan mereka bersama masyarakat negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN SHEIKH UMAR BAGHARIB BIN ALI

Sehingga November 2018, terdapat sebanyak 1,390 buah koperasi berdaftar di Negeri Johor. Daripada jumlah tersebut, 88.54% atau sebanyak 1,231 buah daripadanya adalah aktif dan mempunyai aktiviti perniagaan yang boleh menjana pendapatan dan membayar dividen kepada anggota. Manakala 159 koperasi adalah tidak aktif. Keanggotaan bagi 1,231 koperasi yang aktif adalah seramai 399,358 orang anggota.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN 4 (A25)**

Apakah rasional PBT membenarkan penganjur mengenakan bayaran berlebihan terhadap penjaja di pasar lambak?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk pemberian pengecualian bayaran lesen penjaja bagi semua penjaja yang menjalankan aktiviti perniagaan di pasar malam, pasar sehari/pagi, penjaja bergerak dan penjaja statik berkuatkuasa 1 September 2018. Namun begitu, penjaja masih lagi perlu mematuhi syarat-syarat lesen yang dikeluarkan oleh PBT.

Untuk makluman, pengurusan pasar lambak di dalam kawasan PBT adalah diuruskan oleh PBT sendiri atau melantik pihak luar sebagai penganjur yang bertujuan untuk memudahkan PBT mengawal dan memantau peniaga di lokasi.

Untuk makluman, bagi PBT yang menganjurkan sendiri, setiap penjaja pasar lambak hanya dikenakan caj pelupusan sampah sebanyak RM1.00 dan caj sewa tapak sebanyak RM2.00. Manakala, bagi PBT yang melantik pihak luar sebagai penganjur, kelulusan bagi penganjuran pasar malam/pagi/sehari juga membenarkan kutipan caj pengurusan sampah yang maksimum dan munasabah yang boleh dikenakan terhadap penjaja.

Kebersihan tapak penganjuran pasar malam/pagi/sehari adalah di bawah tanggungjawab pihak penganjur sepenuhnya dan segala sampah perlu dikumpulkan di satu tempat yang telah dikhaskan oleh SWM Environment atau melalui kutipan oleh kerja kontrak sampah yang dilantik sendiri oleh penganjur. Selain itu, PBT juga mengenakan syarat supaya penganjur melaksanakan kerja-kerja mengecat semula petak niaga sekurang-nya 4 kali setahun atau sekiranya cat petak telah pudar.

Sebagai kerajaan yang berprihatin kepada rakyat, kerajaan mengetahui peniaga-peniaga di pasar banyak ialah peniaga modal kecil dan kewujudan pasar ialah membantu peniaga kecil. Oleh itu, PBT tidak pernah mengenakan sebarang syarat atau panduan kepada penganjur dalam caj lain yang ingin dikenakan antaranya bagi tujuan penyediaan kawalan keselamatan/ RELA dan sewa tapak.

Justeru, Kerajaan Negeri menyeru semua peniaga yang dikenakan bayaran persewaan yang tinggi membuat aduan kepada PBT supaya PBT dapat mengkaji kes-kes tersebut dan mengambil tindakan terhadap penganjur.

Semua PBT juga akan mengkaji semula kontrak yang diberikan kepada penganjur dan mengemaskini data pada tahun yang akan datang. PBT juga akan menetapkan kadar maksimum untuk setiap pasar lambak. Pihak penganjur perlu ikut harga yang ditetapkan. Sesiapa yang didapati tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh PBT, kontrak pengurusan penganjur akan dibatalkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB DATO' HAJI ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 5 (A217)**

Pencapaian atlit Johor di SUKMA Perak amat membanggakan hasil pelan atau program jangka masa panjang MSN. Adakah pihak Kerajaan Negeri mempunyai perancangan atau program meningkatkan prestasi untuk acara-acara sukan popular di Johor seperti acara pecut, sepak takraw. Nyatakan program-program tersebut.

JAWAPAN YB TUAN MOHD KHUZZAN BIN ABU BAKAR

Syukur Alhamdulillah ke Hadrat Allah SWT atas kejayaan yang diraih Kontinjen SUKMA Johor di Temasya Sukan Malaysia ke 19 Perak yang berlansung pada 11 hingga 22 September 2018 yang lalu. Hasil perancangan dan pemantauan yang dibuat oleh pihak Majlis Sukan Negeri Johor bagi memastikan segala persiapan atlet dan pasukan berada pada tahap yang terbaik untuk menghadapi SUKMA Perak tempoh hari. Semua sedia maklum yang Johor bakal menjadi tuan rumah Sukan Malaysia ke 20 Johor pada tahun 2020. Pelbagai persiapan sedang giat dijalankan bagi memastikan penganjuran temasya tersebut dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Persiapan bukan sahaja dari segi infrastruktur sukan sahaja malah persiapan dari segi pengurusan serta yang paling penting adalah persiapan para atlet yang bakal mengalas cabaran di temasya itu nanti. Pencapaian yang diraih di Temasya SUKMA Perak tempoh hari merupakan satu gambaran awal bahawa negeri Johor berada dilandasan yang tepat kerana daripada 498 orang atlet yang menyertai SUKMA Perak, 364 orang atlet iaitu 73% yang masih boleh membawa cabaran Kontinjen SUKMA Johor 2020 nanti. Ia menunjukkan pihak Majlis Sukan Negeri Johor telah menjalankan perancangan yang tepat bagi menghadapi SUKMA Johor 2020 itu nanti.

Kesinambungan daripada itu, Program Titanium2020 yang mana telah dimulakan sejak tahun 2016 lagi akan diteruskan dan akan dibuat penambahbaikan bagi memastikan perancangan serta strategi yang betul untuk memberi cabaran di temasya SUKMA Johor 2020 nanti. Program Titanium2020 yang dilihat memberikan persaingan yang sihat kepada semua atlet diseluruh negeri Johor untuk menempatkan diri di dalam program tersebut. Untuk makluman semua, pihak Majlis Sukan Negeri Johor sedang dalam proses menjalankan "post-mortem" (dengan izin) mengenai prestasi pasukan di temasya SUKMA Perak 2018. Segala maklum balas daripada pasukan dan jurulatih akan disemak bagi dibuat penambahbaikan kepada Program Titanium2020.

Walaupun negeri Johor bakal menjadi tuan rumah SUKMA ke 20 pada tahun 2020, ia bukan penamat untuk sukan di negeri Johor tetapi merupakan pemulaan era baru sukan di negeri Johor. Pihak Majlis Sukan Negeri Johor dalam usaha merangka Pelan Pembangunan Sukan 2030 yang menetapkan sasaran 10 tahun perancangan bermula pada tahun 2020. Buat permulaan pihak Majlis Sukan Negeri Johor telah menjalankan usaha awal dengan menjadikan Sirkuit Remaja Johor yang mana ia melibatkan 10 buah daerah dalam negeri Johor. Pada peringkat pemulaan sebanyak

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

4 jenis sukan yang telah dikenalpasti untuk dijadikan penanda aras bagi Sirkuit Remaja Johor iaitu sukan Memanah, Pencak Silat, Berbasikal dan Kanu yang mana sukan-sukan ini mempunyai pembangunan sedia ada di setiap daerah. Hasil daripada pemerhatian yang dibuat, sudah ada gerakan awal daripada daerah-daerah yang bertanding menjalankan latihan secara sistematik dan lebih terancang berikutan Sirkuit Remaja Johor ini dijalankan sebanyak tiga (3) sirkuit setiap tahun. Oleh yang demikian, kualiti para atlit yang bertanding pada setiap sirkuit menunjukkan peningkatan yang terbaik dan ini merupakan pentas yang terbaik bagi atlet diperingkat pembangunan daerah menunjukkan bakat mereka sebelum diserapkan dibawah Program Titanium2020. In Sha Allah, maklum balas yang positif daripada penganjuran sirkuit ini akan berterusan untuk tahun-tahun akan datang dan pihak Majlis Sukan Negeri Johor mencadangkan untuk menambah lagi acara sukan yang bakal dipertandingkan di Sirkuit Remaja Johor ini.

Bagi sukan-sukan yang lain seperti olahraga dan sepaktakraw, program sirkuit dengan kerjasama pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor yang telah dilaksanakan sejak tahun 2013 akan diteruskan perlaksanaannya. Hasil daripada penganjuran sirkuit-sirkuit ini, buat pertama kalinya Pasukan Olahraga MSSM Johor 2018 telah menjadi Johan keseluruhan. Ini membuktikan perancangan jangka masa panjang bagi membentuk serta menyediakan atlet perlu dirancang dengan teliti untuk memastikan keberhasilan kualiti atlet berada pada tahap yang terbaik. Oleh yang demikian, pihak Majlis Sukan Negeri Johor sangat berkerja rapat dengan pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor yang mana merupakan kilang utama bakat-bakat yang bakal mengharumkan nama Negeri Johor. Oleh yang demikian, saya memohon agar kerjasama yang telah dilaksanakan ini dapat diteruskan bagi memastikan negeri Johor tidak ketandusan atlet yang bakal mengalas cabaran sukan diperingkat kebangsaan dan seterusnya diperingkat antarabangsa.

“JOHOR JUARA DAN KONTINJEN TERBAIK SUKMA 2020,
KUASA ERA BARU SUKAN NEGARA”

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 6 (A87)**

Sejauh mana Kad Sihat Johor telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri kepada kumpulan sasar.

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Untuk makluman Yang Berhormat, penerima Kad Sihat Johor bagi fasa pertama pada tahun 2018 merupakan Ketua Isi Rumah (KIR) yang berdaftar di bawah senarai eKasih di seluruh Negeri Johor. Kerajaan Negeri Johor telah menyerahkan Kad Sihat Johor kepada penerima mulai 29 September 2018.

Sehingga 21 November 2018, seramai 3,754 Ketua Isi Rumah (KIR) eKasih telah tersenarai sebagai penerima Kad Sihat Johor. Oleh kerana program Kad Sihat Johor ini bermula pada bulan September 2018, maka jumlah pemberian di pro rata kepada RM200.00 bagi setiap keluarga.

Penerima yang layak untuk menggunakan kemudahan ini merupakan Ketua Isi Rumah (KIR) eKasih dan juga Ahli Isi Rumah (AIR) yang berdaftar. Jumlah keseluruhan terkini Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) yang berdaftar dalam Program Kad Sihat Johor adalah 19,288 orang.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)
SOALAN 7 (A40)**

Banyak maklum balas diterima berkenaan dengan tawaran Kad Sihat Johor. Nyatakan dengan secara terperinci status terkini berkenaan dengan pelaksanaannya. Adakah tawaran tersebut hanya untuk satu tempoh terhad atau ia akan ditawarkan pada setiap tahun yang akan datang ?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Untuk makluman Yang Berhormat, penerima Kad Sihat Johor bagi fasa pertama pada tahun 2018 merupakan Ketua Isi Rumah (KIR) yang berdaftar di bawah senarai eKasih di seluruh Negeri Johor. Kerajaan Negeri Johor telah menyerahkan Kad Sihat Johor kepada penerima mulai 29 September 2018.

Sehingga 21 November 2018, seramai 3,754 Ketua Isi Rumah (KIR) eKasih telah tersenarai sebagai penerima Kad Sihat Johor. Oleh kerana program Kad Sihat Johor ini bermula pada bulan September 2018, maka jumlah pemberian di pro rata kepada RM200.00 bagi setiap keluarga.

Penerima yang layak untuk menggunakan kemudahan ini merupakan Ketua Isi Rumah (KIR) eKasih dan juga Ahli Isi Rumah (AIR) yang berdaftar. Jumlah keseluruhan terkini Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) yang berdaftar dalam Program Kad Sihat Johor adalah 19,288 orang.

Program Kad Sihat Johor ini akan diteruskan pada tahun 2019 untuk dimanfaatkan oleh penerima sebelum ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB PUAN NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 8 (A119)**

Sejajar dengan pengumuman oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sila nyatakan langkah-langkah diambil kerajaan negeri untuk memastikan sasaran semua jabatan dan agensi kerajaan di peringkat negeri menyediakan taska di premis mereka dapat dicapai menjelang 1 Januari 2019.

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Kerajaan Negeri Johor amat maklum akan isu-isu yang menjadi kebimbangan kepada para ibu bapa di Malaysia iaitu berhubung kes penderaan bayi sehingga membawa kepada kematian. Kes sebegini telah mendatangkan kemarahan dan membawa kepada kebimbangan ibu bapa dalam menghantar anak-anak kepada pengasuh. Namun dalam masa yang sama mereka perlu keluar untuk mencari rezeki bagi mengurangkan bebanan keluarga.

Pada dasarnya Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) telah mempunyai Pusat Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) iaitu TASKA YPKDT Wisma Persekutuan di Jalan Syed Mohd Mufti, Johor Bahru dengan jumlah kanak-kanak seramai 52 orang. Objektif asal penubuhan TASKA YPKDT adalah :

- i. Memberi perkhidmatan kepada ibu bapa dengan menyediakan jagaan asuhan gantian yang sempurna, sihat dan selamat bagi anak-anak tersebut penubuhan TASKA YPKDT adalah bagi kemudahan kakitangan awam dan juga masyarakat yang berhampiran.
- ii. Ibu bapa dapat menumpukan perhatian terhadap pekerjaan mereka di samping merasa tenang dan yakin tentang kebajikan, pertumbuhan dan perkembangan awal anak-anak terjamin.
- iii. Menyempurnakan pembangunan bayi dari awal pembentukannya dan meningkatkan potensi pembangunan mental dan intelek kanak-kanak.
- iv. Meluaskan pembangunan sosio-emosi kanak-kanak yang positif dengan penuh kasih sayang dan memberi kemahiran sosial sejak dari awal pembesaran dan perkembangan kanak-kanak.

Berdasarkan kejayaan dan permintaan yang tinggi terhadap TASKA sedia ada, kerajaan melalui YPKDT meneruskan pembangunan TASKA di Kota Iskandar manakala TASKA YPKDT Pontian telah siap sepenuhnya dan dijangka akan mula beroperasi pada Tahun 2019. TASKA YPKDT Daerah Pontian telah dibangunkan bersebalahan dengan Pejabat YPKDT Daerah Pontian iaitu di alamat JKR 2046, Jalan Utama, Taman Megah, 82000 Pontian, Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

Perancangan bagi pembangunan TASKA adalah hasil daripada dapatan keseluruhan kajian. Analisis data menyokong keperluan ini berdasarkan kepada permintaan responden. Unjuran permintaan menunjukkan keperluan sekurang-kurangnya 5 buah TASKA dan Tadika dalam tempoh 5 tahun akan datang. Data yang menunjukkan peratusan yang tinggi bagi suami isteri bekerja (82%) dan wanita produktif (67.3%) menguatkan lagi unjuran keperluan perkhidmatan ini.

Menyedari akan hasrat dan pengumuman oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kerajaan Negeri Johor berusaha untuk menambah lagi TASKA di setiap daerah terutama di premis-premis atau di kawasan pentadbiran kerajaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI (BUKIT PERMAI)
SOALAN 9 (A50)**

Dengan dasar tender terbuka oleh kerajaan PH, apakah ada rancangan kerajaan untuk tidak lagi memberikan hak kepada konsesi-konsesi terhadap projek kerajaan Persekutuan dan negeri seperti yang ada sekarang ini?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Pada masa ini, kontrak konsesi masih lagi diteruskan sehingga tempoh kontrak tamat. Kerajaan negeri telah menandatangani Perjanjian Konsesi selama 5 tahun bermula 1 September 2015. Kontrak terus disambung lagi mengikut perjanjian sedia ada iaitu 3 tahun berakhir pada 2018 dan lanjutan 2 tahun tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Negeri.

Tiada perancangan tertentu untuk meneruskan kontrak selepas tempoh tersebut dan bergantung kepada kehendak dan keperluan kerajaan pada masa akan datang.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 10 (A181)**

Minta dinyatakan dan perincikan kebolehpasaran graduan-graduan anak Johor serta perancangan Kerajaan Negeri dalam memastikan mereka boleh dan berpeluang berkhidmat di Johor?

JAWAPAN YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPIAH

Salam Sejahtera dan Salam Harapan diucapkan kepada ahli Dewan Yang Mulia ini, Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat di pihak Kerajaan mahupun Pembangkang, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Apabila bercakap tentang peluang pekerjaan, sudah tentu semua jari terarah kepada kerajaan. Secara teorinya kita tidak dapat menafikan kenyataan ini. Namun kita perlu sedar perkara ini dipengaruhi oleh banyak faktor termasuklah keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Situasi ini tidak sama seperti pada tahun 1960-an dan 1970-an dimana graduan menjadi rebutan industri dan majikan bagaikan pisang goreng panas.

Banyak kajian berkaitan isu kebolehpasaran graduan telah dijalankan samaada di didalam atau di luar negara. Kesimpulannya, graduan akan menjadi laris di pasaran jika mereka mempunyai pengetahuan akademik serta kemahiran insaniah yang sewajarnya. Majikan kini tidak hanya memberi tumpuan kepada pointer yang tinggi semata-mata, tetapi juga melihat kepada keupayaan dan kemahiran graduan dari aspek emosi, spiritual dan keusahawanan. Hal ini kerana majikan memerlukan pekerja yang lebih kreatif, fleksibel dan mempunyai kemahiran interpersonal yang tinggi. Jika pendidikan yang diterima oleh graduan adalah seimbang dan sepadan dengan tuntutan pekerjaan, maka lazimnya tidak banyak masalah akan timbul kepada graduan.

Namun percayalah, pihak Kerajaan akan terus menerus melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu para graduan yang bermasalah. Misalnya, SMI memperkenalkan Program Azam Kerja @ Industri untuk membuka peluang kepada 200 orang graduan bagi meningkatkan tahap keupayaan diri dengan mempersiapkan mereka dengan ilmu, kemahiran bekerja seterusnya meningkatkan peluang kebolehpasaran mereka. Antara pengisian adalah bengkel penyediaan resume berkualiti, penambahbaikan kemahiran komunikasi di tempat kerja dan ketrampilan diri.

Selain dari itu, bagi mempertingkatkan jalinan kerjasama antara pihak Kerajaan Negeri melalui Unit Strategik Modal Insan Johor (SMI) dan industri dalam pelbagai bidang termasuklah aktiviti berkaitan penyelidikan, latihan mahupun pembangunan. Hasil dari kerjasama ini secara tidak langsung memberi peluang kepada mahasiswa untuk memperoleh pekerjaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

Tambahan lagi, dalam memangkin kepada pembangunan modal insan ini, kita juga melihat peluang yang besar jika para graduan diberi penekanan kepada ilmu keusahawanan. Di mana matlamatnya adalah bagi melahirkan graduan yang mampu mencipta peluang pekerjaan kepada masyarakat.

Akhirnya kita memulangkan balik isu kebolehpasaran graduan ini kepada diri graduan sendiri. Setiap graduan perlu lebih fleksibel dalam menempatkan diri dalam dunia pekerjaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 11 (A114)**

Apakah usaha dan persediaan Kerajaan Johor dalam Industri 4.0 selari dengan “National Industry 4.0 Blueprint”?

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Di peringkat Kerajaan Persekutuan, **Dasar Industri 4.0 masih di dalam proses untuk dimuktamadkan**. Kerajaan Negeri merancang untuk menjalankan satu kajian bagi peringkat Negeri seiring dengan “*National Industry 4.0 Blueprint*” yang baru dilancarkan oleh Perdana Menteri, YAB Tun Mahathir bin Mohamed pada 31 Oktober 2018. Pelaksanaan Dasar Industri 4.0 bagi Kerajaan Negeri akan diselaraskan mengikut Dasar Industri 4.0 peringkat kebangsaan setelah mengambil kira faktor keperluan dan kapasiti kemampuan Kerajaan Negeri dan pemain-pemain industri di Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

YB TUAN MOHD. IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)
SOALAN 12 (A77)

Keadaan pertumbuhan ekonomi domestik yang mengalami kelembapan dan tidak menentu sudah semestinya memberi kesan buruk secara langsung kepada para usahawan khususnya usahawan bumiputera. Apakah pelan perancangan serta peranan GLC dalam membantu usahawan bumiputera agar dapat terus bertahan, bersaing dan berkembang?

JAWAPAN YB TUAN SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

Kerajaan Negeri yakin bahawa perkhidmatan yang dijalankan oleh GLC menjanjikan permintaan tinggi daripada rakyat di Johor. Ini kerana hubungan akrab antara GLC dan rakyat lebih terbuka. Ini dapat dilihat dari salah satu peranan GLC yang ada di Johor iaitu Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd (PUJB).

Sehingga kini PUJB komited untuk membangunkan usahawan agar dapat terus bersaing dan berkembang pesat. Yang Berhormat dapat melihat sendiri lambakan program-program yang telah dijalankan oleh GLC di Johor bagi memberi peluang kepada usahawan bumiputera meningkatkan potensi diri mereka. Sebagai contoh, salah satu program yang dilaksanakan oleh PUJB adalah Misi Jejak PKS yang bertujuan untuk menyelami masalah yang dihadapi oleh para usahawan. Sehingga kini sebanyak 3 edisi **Misi JEJAK PKS** diadakan iaitu di Pasir Gudang pada 28 Ogos, Masai 29 Ogos dan Paloh pada 1 Oktober 2018 melibatkan 26 usahawan dan penglibatan sebanyak 10 agensi terdiri SME Corp Malaysia, MARA, Tekun, Johor Corporation, PNS, PUNB, SME Bank, CGC, Jabatan Pertanian dan Iskandar Malaysia. Manakala Misi Jejak PKS akan datang diadakan di Pontian pada 4 Disember, Batu Pahat pada 5 Disember dan Muar pada 6 Disember dengan sasaran penglibatan sebanyak 30 usahawan serta 10 agensi bagi ketiga siri ini.

Selain itu, **Insentif Bantuan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) Johor 2018** telah mendapat sambutan yang baik dengan PUJB telah **menerima lebih daripada 1350 permohonan usahawan Johor dan seramai 840 usahawan telah berjaya diperakukan menerima insentif bantuan PKS menerusi program ini** dan dapat meningkatkan penubuhan syarikat secara langsung ke arah formalisasi perniagaan kelompok mikro dan mini mikro di Johor dengan memberi manfaat kepada 840 usahawan yang menerima kesan dari program ini.

Kita semua maklum bahawa ada kalanya usahawan tidak mempunyai kefahaman mengenai ilmu keusahawanan yang betul. Justeru, PUJB bertindak untuk membantu usahawan-usahawan ini mengembangkan potensi perniagaan mereka dengan membawa bersama agensi-agensi keusahawanan yang boleh membantu. Sehingga kini lebih daripada 200 orang usahawan PKS telah mendapat manfaat dari segi khidmat nasihat terus daripada pelbagai agensi. Disini kita dapat melihat peranan PUJB yang bertindak secara jelas untuk membimbing dan memberi tunjuk ajar bagi meningkatkan produktiviti usahawan Bumiputera, khususnya.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

Pelan perancangan pada masa akan datang, saya difahamkan PUJB mahu menyasarkan lebih dari sekitar 1000 usahawan untuk terus bersaing pada masa akan datang dengan penyusunan program yang lebih bermutu tinggi.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

YB PUAN ZAITON BIN ISMAIL (SG. BALANG)
SOALAN 13 (A16)

Adakah pihak kerajaan negeri bawah YPJ bercadang untuk mewujudkan biasiswa pengajian peringkat sarjana dan doktor falsafah khusus untuk anak Johor.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Untuk makluman, selain dari pemberian pinjaman pelajaran. YPJ juga ada menawarkan pemberian biasiswa di peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah iaitu **Biasiswa Sultan Ibrahim (BSI)** yang mula diwujudkan pada tahun 2016.

Kriteria pemberian BSI adalah menaja pelajar cemerlang dari negeri Johor yang melanjutkan pengajian di IPT dalam malaysia dengan memberikan **kadar tajaan yang meliputi yuran penuh** dan juga meliputi **kos sara hidup iaitu RM 1,000 (ijazah sarjana) dan RM 1,500 sebulan (doktor falsafah)**.

Berikut merupakan statistik pemberian BSI mengikut pecahan tahun:

- a) Pada tahun 2016: 2 orang pelajar (1 orang Ijazah Sarjana & 1 orang Doktor Falsafah)
- b) Pada tahun 2017: 2 orang pelajar (2 orang Doktor Falsafah)
- c) Pada tahun 2018: 6 orang pelajar (2 orang Ijazah Sarjana & 4 orang Doktor Falsafah)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN DR. CHONG FAT FULL (PEMANIS)
SOALAN 14 (A138)**

Dalam keadaan harga komoditi yang terjunam, sila nyatakan strategi jangka masa pendek dan panjang kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun kecil terutamanya peneroka Felda.

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Usaha jangka pendek yang disaran agar dapat membantu peneroka akibat penurunan harga komoditi ini, FELDA dengan menggalakkan peneroka mengusahakan tanah-tanah kosong di rancangan dengan aktiviti non-farm seperti tanaman kontan yang boleh menjana pendapatan. FELDA juga mencadangkan agar pendapatan peneroka tidak ditolak hutang sosio ekonomi seperti pinjaman pembesaran rumah dan hutang baja. Selain itu, pengawalan kos operasi ladang dibuat supaya ia tidak terlalu tinggi bagi mendapatkan kos pengeluaran se tan BTS tidak melebihi RM180/tan. Dalam jangka masa panjang, pengeluaran hasil dipastikan mencapai tahap secara optimum dengan menekankan pelaksanaan Amalan Baik Pertanian (GAP).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 15 (A141)**

Nyatakan usaha atau program yang akan dilaksanakan oleh kerajaan dalam menganjurkan aktiviti inovasi negeri Johor

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 16 (A195)**

Banyak teknologi dan inovasi yang dicipta oleh anak tempatan Johor, adakah kerajaan negeri boleh memastikan ia diguna pakai secara meluas ?

**JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN
(Jawapan bersekali untuk soalan A141 & A195)**

Anak tempatan Johor sememangnya menunjukkan bakat dan daya kreativiti yang tinggi dalam penciptaan teknologi dan inovasi. Namun begitu, dalam setiap kes, terdapat cabaran-cabaran yang harus diatasi sebelum inovasi yang dihasilkan dapat dimanfaatkan secara meluas. Antara cabaran tersebut adalah membudayakan organisasi dan persekitaran yang menyokong penghasilan dan penggunaan inovasi, kekurangan dana, tenaga mahir dan kepakaran, kekurangan insentif penggalakan inovasi, prasarana dan latihan untuk ujikaji prototaip, meningkatkan nilai komersil dan kebolehpasaran produk, kekurangan dari sudut end-to-end process bagi memastikan idea yang dicetuskan berjaya membuah hasil, serta mengharapkan impak jangka pendek yang kurang realistik.

Bagi mengatasi faktor-faktor tersebut dan meningkatkan penggunaan inovasi anak tempatan, kerajaan negeri mengkaji cadangan inisiatif berikut:

1. Menurunkan kajian dan teknologi yang dihasilkan IPT tempatan untuk dimanfaatkan oleh kerajaan, komuniti, usahawan dan industri melalui projek-projek di bawah inisiatif Lembah Inovasi Johor atau Johor Innovation Valley (JIVe). Di bawah inisiatif ini juga, pengiktirafan diberikan kepada penyelidik yang menghasilkan teknologi yang berpotensi tinggi untuk dikomersilkan.
2. Mewujudkan Geran Inovasi untuk mengkomersilkan inovasi yang dihasilkan oleh golongan akar umbi rakyat Johor.
3. Pihak SIRIM Berhad Wilayah Selatan menyediakan geran padanan SIRIM-Fraunhofer berjumlah RM2 juta untuk meningkatkan produktiviti sepuluh syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Di bawah program ini, SIRIM dengan kerjasama Institut Fraunhofer dari Jerman akan menjalankan audit teknologi dan menerapkan inovasi untuk meningkatkan kecekapan pengurusan teknologi dan proses pengeluaran produk.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

4. Menjalankan program outreach dengan Yayasan Inovasi Malaysia untuk mencungkil inovasi yang berpotensi dikomersilkan yang dihasilkan masyarakat awam khususnya di luar bandar.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Barisan Nasional 5 tahun lalu tiada EXCO tertentu untuk menjaga portfolio Sains dan Teknologi. Oleh itu, walaupun telah merancang beberapa projek, tetapi tiada agensi khusus untuk memantau dan merancang program inovasi lebih mendalam. Bagi memperkasakan aktiviti inovasi, kerajaan negeri bakal menubuhkan Majlis Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Johor (JOSTIC) yang merupakan satu pusat sehenti (one-stop center) bagi pembudayaan sains, teknologi dan inovasi (STI) di Johor melalui penglibatan kerajaan, institusi pendidikan, industri, usahawan dan komuniti.

Majlis Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Johor antara lainnya akan menasihati kerajaan negeri dalam keutamaan, halatuju, dan dasar berkaitan STI dan digital; merancang, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan inisiatif penggalakan STI dan digital di Johor; melantik kumpulan kerja pakar mengikut keperluan bagi memacu pembudayaan STI dan digital di Johor; menjalin kerjasama dengan agensi dan industri di dalam dan luar negara untuk membudayakan STI dan digital di Johor; menumpukan sumber peruntukan dan modal insan yang ada dari kerajaan dan swasta bagi membangunkan STI di Johor serta mengadakan perbincangan dengan pelbagai peringkat masyarakat, akademik, pendidik, usahawan, industri dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk mendapatkan pandangan dan maklumbalas mengenai pembudayaan STI di Johor.

Melalui perancangan yang mensasarkan jabatan dan agensi kerajaan, masyarakat awam, pelajar, usahawan, industri, akademik adalah diharapkan ekosistem inovasi yang lestari dapat diwujudkan bagi membolehkan teknologi dan inovasi yang dihasilkan anak tempatan sentiasa mendapat dorongan dari pelbagai sudut keperluan dan seterusnya dapat disebarluaskan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN (KAHANG)
SOALAN 17 (A8)**

Nyatakan statistik pekerja asing yang SAH dan TIDAK SAH di negeri Johor dan apa yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri untuk mengawal pekerja asing di Negeri Johor.

JAWAPAN YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPIAH

Rekod pekerja asing hanya berdasarkan Permit atau Pas Kerja yang sah yang telah dikeluarkan kepada pekerja asing tersebut. Perangkaan pekerja asing yang SAH di negeri Johor adalah sebagaimana berikut:

TAHUN	BIL PEKERJA ASING
2015	124, 138
2016	72, 897
2017	101, 913
2018 (sehingga oktober)	98, 783

Jabatan Imigresen tidak mempunyai rekod pekerja asing yang TIDAK SAH. Bilangan pekerja asing yang tidak sah hanya boleh didapati daripada tangkapan yang telah dilaksanakan melalui operasi penguatkuasaan dari semasa ke semasa.

Perangkaan tangkapan berdasarkan kesalahan melanggar syarat pas dan memiliki pas yang tidak sah:

TAHUN	BIL PEKERJA ASING
2017	5, 216
2018 (sehingga oktober)	4, 053

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 18 (A85)**

Minta dinyatakan tindakan dan status terkini yang diambil Kerajaan Negeri mengenai usaha menaiktaraf 'Autogate Malaysia Automated Clearance System' dan M-Bike yang dibentangkan dalam Belanjawan Persekutuan 2019 baru-baru ini.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Pihak Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya kini sedang dalam proses menyediakan spesifikasi tender bagi menaik taraf sistem serta penggantian mesin Autogate MACS sedia ada di Bangunan Sultan Iskandar dan Kompleks Sultan Abu Bakar untuk kelulusan pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan MAMPU.

Pemantauan yang berterusan terhadap syarikat kawal selia dilaksanakan oleh semua peringkat (Kementerian dan Jabatan) dari semasa ke semasa bagi memastikan prestasi penggunaan M-BIKE sentiasa ditingkatkan. Pemantauan dilaksanakan melalui perbincangan, mesyuarat, pelaporan serta pemantauan statistik dari semasa ke semasa oleh semua pihak.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 19 (A68)**

Berapa ramai pengilang yang telah melabur di Furniture Park Bakri setakat ini serta nyatakan jumlah pelaburan yang diterima setakat ini.

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Cadangan pembangunan Muar Furniture Park (MFP) merupakan satu inisiatif Johor Corporation (JCorp) dalam membantu Kerajaan Johor untuk melaksanakan pemutihan kilang-kilang perabot yang beroperasi secara haram di sekitar Daerah Muar. JCorp telah diamanahkan oleh Kerajaan Johor untuk membangunkan satu hab perabot yang sistematik dan tersusun serta komprehensif dan kini ianya dikenali sebagai MFP. Hab perabot ini telah dirancang sebagai satu kawasan perindustrian yang dilengkapi dengan kemudahan moden dan bersesuaian untuk menjadi prasarana yang memenuhi standard industri perabot dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya. Pembangunan MFP ini terutamanya dari segi penentuan saiz lot industri, malahan kategori pengusaha itu sendiri adalah diputuskan melalui siri perbincangan dengan pihak Persatuan Perabot Muar (MFA). Oleh kerana itulah, lot tanah industri pada keluasan 366 ekar pertama telah ditawarkan dan diberi keutamaan kepada ahli-ahli MFA terlebih dahulu.

Sehingga 18 November 2018 sebanyak 124 syarikat pengilang perabot telah mendaftar untuk membeli 378 ekar tanah lot industri di MFP dengan 107 daripada 124 syarikat telahpun menandatangani Surat Perjanjian Jual Beli. Selain daripada itu, JCorp juga menawarkan plot-plot tanah untuk menempatkan projek-projek pemudahcara ('enablers') dalam MFP seperti Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) yang akan membangunkan Pusat Penyelidikan & Pembangunan (R&D, Pusat Perolehan), 'cargo consolidated centre', Pusat Khidmat Industri seperti Hostel pekerja, kilang-kilang siap bina dengan konsep beli terus/sewa-beli kepada pengusaha perabot bersaiz kecil dan lot-lot perdagangan. Projek-projek 'enablers' ini bertujuan menyediakan ekosistem yang lengkap dan kondusif sesuai untuk sektor perindustrian, khasnya bagi industri perabot ini.

Status kemajuan kerja-kerja tanah, parit dan jalan setakat 18 November 2018 pula ialah 21%. JCorp menjangkakan keseluruhan kawasan boleh diserahkan kepada pemilik plot-plot tanah dalam tempoh 36 bulan iaitu pada Suku ke-2 Tahun 2021. Mengikut program, 30 ekar pertama boleh diserahkan kepada para pelabur yang membeli tanah di MFP mulai Suku ke-2 Tahun 2019 bagi memberi ruang kepada mereka memulakan pembinaan bangunan kilang masing-masing.

Keseluruhan MFP dijangka boleh disiapkan dalam tempoh 5 tahun, manakala jumlah pelaburan dianggarkan untuk dijana apabila MFP beroperasi sepenuhnya adalah bernilai RM1.3 bilion.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 20 (A142)**

Adakah kerajaan negeri Johor mengambil inisiatif untuk mempromosikan bantuan-bantuan yang boleh dipohon oleh golongan sasar seperti ibu tunggal, OKU, kanak-kanak dan warga emas?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Untuk makluman, kerajaan negeri Johor sentiasa mengutamakan keperluan dan kebajikan rakyat dari semasa ke semasa. Bagi memastikan perkhidmatan-perkhidmatan kepada rakyat ini sampai ke kumpulan-kumpulan sasar, banyak program telah dirancang dan digerakkan melalui penubuhan KAWAN iaitu program berbentuk *social outreach* (pendampingan sosial) yang mana JKM akan membawa perkhidmatan JKM termasuk permohonan bantuan ke tempat-tempat yang terpencil dan jauh daripada pejabat. Pihak Jabatan juga menyediakan Unit Khidmat Penyayang sebagai unit mobile bagi penyediaan perkhidmatan JKM.

Pihak JKM juga mengadakan Hari Bertemu Pelanggan di pejabat-pejabat bagi memudahkan orang ramai untuk mendapatkan maklumat-maklumat tentang permohonan bantuan yang disediakan oleh JKM. JKM juga sering terlibat menyediakan pameran perkhidmatan dalam program-program bersama rakyat yang diadakan oleh pelbagai agensi sebagai satu inisiatif mempromosi bantuan-bantuan yang boleh disalurkan.

Bagi memastikan perkhidmatan JKM mudah diakses oleh orang ramai, JKM juga membuka kaunter perkhidmatan di 2 lokasi UTC iaitu di Galleria, Johor Bahru dan Pasir Gudang. Jadi rakyat yang tidak berkesempatan untuk hadir di pejabat pada waktu bekerja boleh mendapatkan perkhidmatan JKM di kaunter-kaunter tersebut.

Selain itu, JKM juga menyediakan laman sesawang iaitu www.jkm.gov.my untuk memudahkan orang ramai akses kepada maklumat-maklumat bantuan yang diberikan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB DATO' HAJI ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 21 (A216)**

Adakah pihak Kerajaan Negeri mempunyai program khusus untuk atlit-atlit Orang Kurang Upaya (OKU) bagi menghadapi Sukan paralimpik 2020 dan berapakah peruntukan yang diberi kepada mereka setiap tahun?

JAWAPAN YB TUAN MOHD KHUZZAN BIN ABU BAKAR

YB Dato' Speaker, bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan [ADUN Sri Medan], Kerajaan Negeri Johor sentiasa mengambil berat serta membantu dalam membangunkan sukan para di negeri Johor. Pada tahun 2018, sebanyak RM181,745.00 telah diperuntukkan kepada atlet para dalam membuat persiapan ke temasya Para SUKMA XIX Perak 2018, dan jumlah peruntukan ini akan ditambah pada tahun 2019 bagi mengadakan persediaan atlet untuk temasya Para SUKMA XX Johor 2020.

Sehubungan dengan itu, pelbagai program akan diadakan bagi meningkatkan prestasi atlet antaranya, latihan intensif kepada para atlet dan pelapis atlet para yang akan diadakan secara berkala, disamping beberapa sirkit kejohanan yang akan diadakan sebagai platform untuk menilai prestasi atlet.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri Johor akan memperuntukkan bajet yang khusus bagi pemberian insentif kepada atlet para Johor yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam temasya-temasya sukan utama sepanjang tahun 2018, antaranya Sukan Komanwel XXI 2018 Gold Coast, Sukan Para Asia 2018 Jakarta, Kejohanan Sukan Orang Pekak Malaysia 2018 di Perak serta Temasya Para SUKMA XIX Perak 2018. Insentif ini akan diberikan pada tahun 2019 sebagai tanda penghargaan dari Kerajaan Negeri Johor ke atas sumbangan atlet para Johor dalam arena sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 22 (A146)**

Sila nyatakan jadual doktor pakar yang bertugas di Hospital Tangkak dan apakah pendekatan yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah pesakit di Daerah Tangkak terpaksa berjumpa doktor di Hospital Pakar Sultanah Fatimah kerana tiada doktor pakar sepenuh masa di Hospital Tangkak.

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Hospital Tangkak adalah merupakan hospital daerah tanpa pakar. Pada masa ini perkhidmatan kepakaran diberikan melalui perkhidmatan pakar atas lawatan yang dilakukan oleh pakar-pakar dari Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar.

Jadual Pakar Atas Lawatan adalah seperti berikut :

Kepakaran	Hari Lawatan	Kekerapan
Perubatan Am	Rabu	Seminggu sekali
Psikiatrik	Isnin	Seminggu sekali
Pediatrik	Selasa minggu ke-3	Sebulan sekali
Nefrologi	Khamis minggu ke-4	Sebulan sekali
Orthopedik	Selasa minggu pertama	Sebulan sekali
Perubatan Kecemasan	Selasa minngu ke-2	2 bulan sekali

Perkhidmatan pakar perubatan ditambahbaik dengan melaksanakan inisiatif hospital kluster. Inisiatif ini menggabungkan hospital-hospital KKM mengikut lokasi geografi yang berdekatan dan berfungsi sebagai satu entiti. Setiap hospital kluster akan memberikan perkhidmatan kepakaran mengikut keperluan masyarakat setempat secara berkongsi dan mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber di hospital-hospital dalam kelompok kluster. Projek Hospital Kluster Johor Utara melibatkan Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar, Hospital Tangkak dan Hospital Segamat dirancang pelaksanaannya dalam tahun 2019.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 23 (A153)**

Senaraikan bantuan baik pulih sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah-sekolah dibawah Kerajaan Negeri Johor Tahun 2018 di seluruh Negeri Johor.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Senarai bantuan/peruntukan bagi baik pulih/penyelenggaraan bagi sekolah-sekolah negeri Johor di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia pada Tahun 2018 adalah seperti berikut:

1. Penyelenggaraan Kecil Institusi Pendidikan : RM8,023,614.00
2. Ubahsuai Naiktaraf (USNT) Makmal Sains: RM35,414,455.00
3. Penambahbaikan & Penyelenggaraan Tabung Khas (PPKhas):
RM26,229,128.00
4. PPKhas Elektrik – JKR: RM6,151,000.00

Peruntukan/bantuan tertakluk kepada kelulusan mengikut tahun semasa. KPM menyalurkan peruntukan dan bantuan kepada sekolah melalui JPN Johor dan seterusnya ke semua PPD.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)
SOALAN 24 (A52)**

Apakah tindakan kerajaan negeri Johor dalam membantu peneroka FELDA yang terkesan akibat daripada kejatuhan harga minyak sawit?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Pihak FELDA boleh mencadangkan agar hutang peneroka ditangguhkan buat sementara waktu. Ini bagi membantu pendapatan bersih peneroka tidak ditolak hutang semasa seperti hutang pinjaman pembesaran rumah, bayaran kembali alih ladang, dan hutang baja semasa. Pendapatan bersih peneroka juga akan dipastikan agar tidak kurang dari RM 1050.00 sebulan. Harga minyak sawit adalah berdasarkan kepada harga semasa, namun diperingkat kilang, harga buah sawit bergantung kepada Kadar Perahan Digred (KPG) di kilang. Oleh itu, kawalan KPG boleh dipantau diperingkat ladang di mana buah-buah dihantar perlu memastikan menepati kualiti supaya mendapat kadar perahan digred yang tinggi bagi mendapatkan harga yang tinggi untuk pendapatan yang lebih baik. Penggunaan buruh di rancangan juga akan dimaksimumkan bagi membolehkan hasil dikeluarkan sepenuhnya.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NENAS)
SOALAN 25 (A159)**

Apakah usaha kerajaan untuk menghapuskan jurang antara PBT dan masyarakat umum?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Pihak Berkuasa Tempatan merupakan kerajaan peringkat ketiga dan amat mempengaruhi kehidupan seharian rakyat. Justeru, Pihak Berkuasa Tempatan berusaha untuk mengurangkan jurang dengan orang awam dengan mengadakan program gerak mesra bersama masyarakat termasuk kaunter bergerak, gotong royong bersama Ahli Majlis di zon kawasan masing-masing, Kempen jom bersih dan lestari, Kempen anti denggi, sesi townhall bersama penduduk setempat, suai kenal Ahli Majlis dan sebagainya.

Kekerapan gerak mesra bersama rakyat seperti berikut:

PBT	Quantiti
MDSR	10
MDT	62
MDL	13
MBIP	57
MPS	33
MDYP	15
MDP	15
MDKT	16
MPPG	11

Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedang melaksanakan agenda reformasi dalam pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri menggalakkan semua PBT memuatnaik segala dokumen berkaitan PBT seperti Garis Panduan, Undang-undang Kecil (UUK), Belanjawan PBT dan permohonan dalam talian serta capaian bayaran dalam talian di laman sesawang dan menghebahkannya kepada orang awam supaya rakyat dapat mengetahui urusan PBT yang buat dan memudahkan proses permohonan.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga menggesakan semua PBT bekerjasama pembekal sistem ePBT, MSC Cyberport untuk memanfaatkan sistem ePBT sepenuhnya. Terdapat 24 modul yang terkandung dalam sistem e-PBT termasuklah Pengurusan Kutipan, Pengurusan Akaun, Pengurusan Pembelian, Pengurusan Bayaran, Pengurusan Aset, Pengurusan Wang Amanah, Cukai, Penilaian, Lesen, Sewa, Kompaun, e-Khidmat dan pelaporan kepada SUK.

(Buat masa ini, kesemua PBT telah mengguna pakai sistem ePBT dan purata penggunaan keseluruhan modul yang dibangunkan adalah sekitar 75%.)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

Kerajaan Negeri bersasar mengurangkan 50 % urusan di kaunter dan mencapai matlamat 50 % transaksi secara atas talian dapat dicapai. Ini dapat meningkatkan efisien pentadbiran dan memudahkan orang awam tidak perlu berulang-alik ke PBT untuk membuat permohonan atau buat aduan serta juga dapat menangani kegiatan rasuah sebab sistem-sistem ini dijalankan secara berpusat dan *automated*.

Kerajaan Negeri juga menggesakan semua PBT mengadakan Hari Bertemu Pelanggan sebanyak dua (2) kali sebulan dengan penyertaan daripada Datuk Bandar dan Yang Dipertua bersama para ketua jabatan. Ini menjadi peluang organisasi PBT merapatkan hubungan dengan orang awam.

Tambahan pula, Kerajaan Negeri akan menggesakan semua PBT meneliti sistem operasi kaunter dengan memperkenalkan jadual rehat fleksibel bagi memastikan kaunter sentiasa beroperasi sekaligus melancarkan urusan orang awam.

Sebagai sokongan kepada operasi kaunter semasa, PBT dicadangkan untuk mengaktifkan kaunter bergerak dengan menjadikan titik tumpuan orang awam sebagai lokasi dan mengenalpasti waktu tertentu selain memanfaatkan segala ruang komunikasi bagi tujuan hebahan.

Dengan inisiatif-inisiatif tersebut secara terbuka dan telus, Kerajaan Negeri mempercayai akan membina keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap Pihak Berkuasa Tempatan dan akhirnya dapat mengurangkan jurang antara PBT dengan orang awam.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 26 (A211)**

Bagaimanakah kemalangan di kawasan berikut dapat dielakkan: Persimpangan Taman Seri Bertam, Taman Sri Bayu, Taman Mewah, Jalan Perdana, Jalan Kota, Jalan Damai dan Jalan Aman.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Persimpangan Taman Seri Bertam, Persimpangan Taman Sri Bayu, Persimpangan Taman Mewah adalah berkaitan dengan Jalan Persekutuan dibawah penyelenggaraan JKR manakala Jalan Perdana, Jalan Kota, Jalan Damai dan Jalan Aman adalah jalan di bawah penyelenggaraan Majlis Daerah Yong Peng.

Bagi pihak JKR bagi jalan persekutuan kaedah yang boleh digunakan ialah dengan menaiktaraf perabot jalan seperti memasang papan tanda dan meletakkan jalur kuning.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB DATO' SH. AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 27 (A122)**

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memaklumkan bahawa kira-kira 41,800 penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat ditamatkan antara Januari hingga Jun tahun ini. Berapa ramai penerima bantuan Negeri Johor yang terlibat dan apakah yang dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk membantu mereka?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Untuk makluman, berdasarkan maklumat dari sistem e-bantuan, bilangan kes penerima bantuan JKM yang telah ditamatkan antara Januari hingga Jun 2018 di negeri Johor adalah sebanyak **3,701** kes. Penamatan kes dibuat sekiranya penerima bantuan telah melepasi syarat dan kriteria-kriteria berikut:

1. Pendapatan telah melebihi PGK (Pendapatan Garis Kemiskinan)
 - Semenanjung Malaysia: RM930.00
2. Mempunyai Anak yang telah dewasa dan Bekerja
3. berpindah mengikut anak / waris
4. Penerima bantuan telah mampu menjana pendapatan sendiri dan Berdikari
5. Meninggal Dunia
6. Tidak bekerja lagi (Bagi kes penerima Elaun Pekerja Cacat(EPC)).
7. Tukar Skim Bantuan
8. Mempunyai harta yang boleh mengeluarkan hasil
9. Kes yang dijaga telah sihat dan tidak terlantar lagi (bagi kes penerima Bantuan PesakitKronik/Terlantar)

Bagi kes-kes yang berpotensi untuk ditamatkan kerana dan mampu menjana pendapatan, JKM akan mencadangkan penama bantuan 2 Years Exit Program Persekutuan dan 2YEP Harapan Johor iaitu satu program pemberian bantuan sekaligus sebanyak RM2,700 (2YEP Persekutuan) dan RM3,000 bagi (2YEP Harapan Johor) untuk memulakan perniagaan. Melalui program ini, peserta akan dibimbing serta dipantau pendapatan bulannya oleh pekerja kes selama 2 tahun sebelum proses penilaian dibuat samada kes berjaya atau gagal. Mereka juga akan dirujuk kepada agensi-agensi lain yang turut memberi bantuan dalam bentuk latihan dan motivasi.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD. NOR (KEMELAH)
SOALAN 28 (A104)**

Apakah usaha serta langkah kerajaan negeri bagi membantu golongan pekebun kecil akibat dari harga getah dan kelapa sawit yang begitu rendah pada masa kini?

**YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI (LAYANG-LAYANG)
SOALAN 29 (A63)**

Mohon nyatakan apakah tindakan dan perancangan kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun kecil khususnya sawit dan getah yang berdepan masalah harga jualan yang semakin rendah?

**JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL
(Jawapan bersekali untuk soalan A104 & A63)**

Keadaan harga getah yang rendah bukan sahaja berlaku di negeri Johor dan seluruh Malaysia malahan melibatkan semua negara pengeluar getah dunia. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) bagi membantu pekebun getah menangani pengurangan pendapatan apabila berlaku kejatuhan harga getah adalah seperti berikut :

i. Mekanisma penetapan harga di ladang

- Menyediakan peruntukan sebanyak RM 6.4 juta sejak Jun 2014 kepada koperasi sebagai modal pusingan untuk terlibat di dalam aktiviti urusniaga getah. Menerusi langkah ini, lapisan pembeli akan dikurangkan dan seterusnya dapat meningkatkan harga pembelian getah di peringkat ladang;
- Sebanyak 20 koperasi di seluruh Malaysia yang terlibat dalam urusniaga getah dan menawarkan harga pada puratanya RM 0.10 sehingga RM0.20 sekilogram skrap (*cuplump*) lebih tinggi berbanding pembeli getah.
- Penglibatan koperasi akan menggalakkan pelesen-pelesen yang berdekatan untuk memberikan harga yang sepadan bagi bersaing dengan koperasi-koperasi ini.

ii. Insentif Pengeluaran Getah (IPG)

Kerajaan amat prihatin kepada masalah dan kebajikan pekebun-pekebun kecil getah. Dengan itu, kerajaan telah melaksanakan pembayaran Insentif Pengeluaran Getah (IPG) jika purata harga bulanan getah SMR 20 berada pada/kurang daripada RM 5.50 sekilogram atau harga skrap (*cuplumps*) pada paras RM 2.20 se kg mulai bulan Januari 2016.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

Insentif Pengeluaran Getah (IPG) adalah satu insentif dalam bentuk bayaran yang akan diberikan kepada pekebun kecil getah ke atas setiap kilogram getah yang dijual. Insentif ini bertujuan untuk meringankan bebanan pekebun kecil di seluruh negara kesan kejatuhan harga getah di samping memberi galakan kepada pekebun kecil untuk terus menoreh sewaktu harga getah rendah di pasaran.

Mekanisme pelaksanaan insentif IPG adalah seperti berikut :

- a. Pemberian IPG pada bulan semasa adalah berdasarkan purata harga getah SMR 20 FOB (Free on Board) pada bulan sebelumnya;
- b. Bagi negeri Johor, IPG diuruskan oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM).
- c. Pekebun kecil boleh membuat tuntutan di mana-mana pejabat Wilayah/Negeri LGM di Semenanjung dengan mengemukakan resit rasmi jualan dan Permit Autoriti Transaksi Pekebun Kecil Getah (PAT-G).

Pelaksanaan IPG akan menyumbang kepada:

- (a) Pengurangan beban ekonomi pekebun kecil dengan menambah pendapatan para pekebun kecil getah di luar bandar; dan
- (b) Pengukuhan pembangunan industri hiliran getah terutamanya dari segi memastikan bekalan bahan mentah yang mencukupi bagi industri hiliran.

iii. Bagi jangka masa panjang, langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menstabilkan harga getah termasuk:

- Meningkatkan penggunaan getah dalam negara. Ini dilaksanakan melalui aplikasi-aplikasi baru termasuk penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya dan penghasilan produk-produk baru serta bernilai tambah berasaskan getah; dan
- Meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) ke arah menghasilkan dan mempelbagaikan produk-produk baru berasaskan getah asli.

Bagi RISDA yang merupakan antara agensi utama bagi sektor getah, usaha untuk membantu pekebun kecil sentiasa giat dilaksanakan samada dengan program sedia ada, program yang ditambahbaik mahupun mewujudkan program baru.

Isu harga yang rendah merupakan antara isu yang hangat melanda sektor pekebun kecil getah. Ini sekaligus boleh membawa kepada perolehan pendapatan pekebun kecil jatuh.

Justeru itu, antara usaha yang diadakan dalam menangani isu harga jualan yang rendah adalah program Pembangunan Usahawan dan Pemasaran Berkelompok yang mana ini merupakan program yang dapat meningkatkan pendapatan pekebun

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

kecil getah. Ini juga selaras dengan Objektif RISDA ke arah Pekebun Kecil memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM 4,000.00 sebulan sekeluarga menjelang penghujung tahun 2020.

Program Pembangunan Usahawan memfokuskan kepada generasi muda dan usahawan tunjang. Terdapat pelbagai komponen program dibawahnya iaitu :

1. Program Aktiviti Ekonomi Tambahan
2. Program Pembangunan Produk
3. Program Premis Perniagaan & Pemasaran
4. Program Pameran & Promosi

Pemasaran Berkelompok pula merupakan penjualan getah secara berkelompok di pusat jualan dibawah RISDA dimana kelebihan pelaksanaan program ini dapat memberikan kualiti getah yang bagus dan harga yang baik kepada pekebun kecil.

Sementara itu, pihak Kementerian Industri Utama (MPI) sememangnya peka dan prihatin akan isu kemerosotan harga sawit malahan telah merangka strategi jangka pendek dan jangka masa panjang bagi pemulihan harga komoditi tersebut. Ini kerana apabila harga minyak sawit mentah (CPO) meningkat secara tidak langsung harga buah kelapa sawit (BTS) turut akan meningkat dan seterusnya mengurangkan beban hidup pekebun kecil sawit.

Antara strategi jangka pendek yang telah pun dilaksanakan bagi meningkatkan harga sawit ialah dengan meningkatkan penggunaan minyak sawit dalam negara melalui peningkatan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum dari Program B5 ke Program B7 (adunan 7% biodiesel sawit dan 93% diesel petroleum) mulai November 2014. Program B7 akan menggunakan 575,000 tan minyak sawit setahun. Kerajaan juga sedang bercadang untuk meningkatkan penggunaan domestik produk sawit melalui perlaksanaan program Biodiesel dari B7 kepada B10. Selain membantu meningkatkan penggunaan minyak sawit ianya juga menyumbang kepada mengurangkan stok minyak sawit dan seterusnya dapat memberi impak yang positif kepada harga minyak sawit.

Strategi jangka pendek MPI yang lain pula merangkumi pendekatan mesra pelabur dan mesra perniagaan dengan mengadakan perbincangan dan lawatan terus ke negara-negara pengimport utama minyak sawit Malaysia.

Sebagai contoh, pertemuan di antara Kerajaan Malaysia dengan China semasa lawatan Perdana Menteri telah membuahkan hasil positif dan inisiatif penting yang akan memudahkan eksport minyak sawit Malaysia dalam jumlah yang lebih besar ke China dan diharap dapat membantu meningkatkan harga minyak sawit di pasaran dalam masa terdekat.

Sementara itu, antara strategi-strategi jangka masa panjang untuk memperkukuhkan harga sawit termasuklah:

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

1. Memperkukuhkan pasaran eksport sedia ada serta menembusi pasaran-pasaran baru bagi produk-produk berasaskan sawit.
2. Meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan produk-produk baru serta memberi nilai tambah kepada produk hiliran komoditi;
3. Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang akan dijadikan mandatori pada Januari 2020 akan dijadikan satu langkah ke arah mewujudkan sistem kemampanan yang diterima secara global dan menjenamakan minyak sawit milik Malaysia yang seterusnya diterima sebagai pilihan utama pelanggan global. Ini akan membuka akses pasaran yang lebih luas untuk pasaran minyak sawit mampan Malaysia di negara-negara pengimport dan

Kementerian Industri Utama akan terus meninjau pelaksanaan langkah-langkah jangka pendek dan panjang ke arah memperkukuhkan harga komoditi sawit di masa hadapan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 30 (A156)**

Apakah langkah-langkah kerajaan bagi memastikan subjek Bahasa Melayu diperkasakan di sekolah-sekolah jenis Kebangsaan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Terdapat 3 Inisiatif / Program di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu ;

i. Inisiatif #108 Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu

- Kit Pembelajaran Bahasa Melayu (SK / SJK)
- Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu dalam Aktiviti Kokurikulum

Kursus telah dilaksanakan diseluruh negara pada tahun 2018 yang melibatkan keseluruhan guru Bahasa Melayu samada SK atau SJK. Pelaksanaan sepenuhnya adalah pada tahun 2019.

Di Negeri Johor SJKC :

- 217 buah
- Guru mengajar BM SJKC (1276)

ii. Memartabatkan Bahasa Melayu, Memperkasakan Bahasa Inggeri (MBMMBI)

- Kursus Pemantapan Penguasaan Bahasa Melayu guru-guru bukan opsyen.(SK/SJK)

Kursus melibatkan 271 guru bukan opsyen Bahasa Melayu yang mengajar Bahasa Melayu di SJKC seluruh Negeri Johor telah dilaksanakan bermula daripada Oktober 2017.

Kursus ini melibatkan kemahiran lisan, mendengar, membaca, menulis dan sistem Bahasa menggunakan modul yang telah dibina oleh Pembimbing Pakar Bahasa Melayu Negeri Johor yang juga telah digunakan diseluruh negara.

iii. Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

- Mengadakan kursus Kelas Pemulihan Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Kursus ini bermula sejak 2017 yang melibatkan semua sekolah SJK di seluruh Negeri Johor iaitu sebanyak 217 SJKC. Jumlah guru adalah 1276 Guru SJKC yang mengajar BM (Opsyen & Bukan Opsyen)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

Perbandingan keputusan UPSR SJKC@T dibandingkan dengan SK

PERBANDINGAN KEPUTUSAN MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU UPSR 2016 DENGAN 2017			
Mata Pelajaran	% ABCD		Beza
	2016	2017	
BM PEMAHAMAN-SK	96.78	97.89	1.11
BM PENULISAN-SK	96.67	97.86	1.19
BM PEMAHAMAN -SJKC	87.61	90.52	2.91
BM PENULISAN-SJKC	81.65	82.37	0.72
BM PEMAHAMAN-SJKT	90.75	88.85	-1.90
BM PENULISAN-SJKT	84.53	82.96	-1.57

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB KAPT. (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)
SOALAN 31 (A93)**

Balai raya Kampung Searak Api tidak boleh digunakan dipercayai kerana 'design error'. Ia telah siap dibina pada 23.09.2014. Bumbung terlalu tinggi, tiada meter elektrik dan kapasiti balai raya tidak mencukupi untuk 70 orang penduduk. Adakah terdapat peruntukan untuk menyelenggara kemudahan ini?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

JAWAPAN DARIPADA JKLW

Untuk makluman, projek yang dinyatakan telah dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Johor. Projek telah dimulakan pada 02.07.2014 dan telah siap pada 23.09.2014. Bagi tujuan baik pulih, permohonan boleh diajukan terus kepada Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Johor atau ke Pejabat Kementerian Pembangunan Luar bandar (KPLB) Negeri Johor melalui Pejabat Daerah Muar. Bagi peruntukan baik pulih melalui pejabat KPLB negeri johor adalah tertakluk kepada kelulusan pihak ibu pejabat kementerian.

JAWAPAN DARIPADA JAKOA

Untuk makluman bahawa bangunan yang dimaksudkan bukannya balairaya tetapi dewan kecil terbuka yang dilengkapi pentas, tandas dan sebuah bilik simpanan. Dimaklumkan bahawa pelaksana atau agensi bertanggungjawab terhadap binaan dewan tersebut yang dibina di Kampung Orang Asli Searak Api, Pagoh, Muar ini adalah Pejabat Daerah Muar. Tahun siap dibina pada tahun 2014. Kapasiti hanya mencukupi untuk 30 orang sahaja. Meter elektrik ada dipasang (ikut spek) hingga kini masih wujud. Cuma difahamkan sejak 2015 bekalan elektrik terpaksa dipotong oleh TNB kerana bil tidak dibayar oleh penduduk kampung. Speksifikasi bangunan tidak pernah diterima pihak JAKOA Daerah Muar & Tangkak.

JAKOA Negeri Johor tiada halangan dalam membaikpulih atau menyelenggara kemudahan dewan ni sekiranya mendapat persetujuan bersama daripada agensi terlibat. Namun begitu peruntukan yang diterima oleh JAKOA Johor bagi projek infrastruktur setiap tahun bergantung kepada peruntukan yang diagih oleh Ibu Pejabat JAKOA Malaysia dan memerlukan permohonan awal untuk mendapat kelulusan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 32 (A209)**

Apakah tindakan MDYP untuk mengatasi banjir kilat di Lot 5678 Jalan Hujung, Taman Desa Baru, No.12 Jalan Ang Peng, Jalan Kota 9 Taman Kota, Jalan Hokkien, Hilir Taman Damai, Jaya, Jalan Gambang dan Jalan Keembung Taman Selatan.

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Adalah dimaklumkan, pihak Majlis Daerah Yong Peng (MDYP) sedang dalam tindakan menaiktaraf parit di Jalan Hokkien. Manakala, kerja-kerja penyelenggaraan parit Jalan Hujung dan Taman Jelita akan dimasukkan di bawah peruntukan BP.1 Tahun 2019.

MDYP juga sedang menjalankan kajian dan pemeriksaan terhadap sistem perparitan di Taman Desa Baru, Jalan Ann Peng, Jalan Kota 9, Taman Damai Jaya, Jalan Gambang dan Jalan Keembung Taman Selatan bagi menentukan kerja-kerja penyelenggaraan yang sesuai untuk dilaksanakan seterusnya menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN DR. CHONG FAT FULL (PEMANIS)
SOALAN 33 (A225)**

Setiap kali banjir kerajaan akan menghadapi masalah pembayaran pampasan yang bertindih-tindih yang sangat merugikan pihak kerajaan. Nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengelak penindihan bayaran pampasan, termasuk mewujudkan satu database digital komputer yang senang disemak.

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Untuk makluman, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor bertanggungjawab untuk mendaftarkan mangsa-mangsa bencana yang berpindah dan tinggal di Pusat Pemindahan (PP) sahaja. Perkara ini diselaraskan dan diputuskan bersama Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah iaitu Pegawai Daerah. Tiada isu selepas senarai mangsa bencana disahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah khususnya bencana banjir. Bantuan hanya diselaraskan oleh NADMA melalui pemberian wang ihsan.

Bagi tujuan makluman, Jabatan JKM telah membangunkan satu sistem pendaftaran yang lebih efektif iaitu pewujudan sistem Infobencana di mana sistem ini merekodkan bilangan pusat pemindahan dibuka, bilangan keluarga dan mangsa bencana mengikut daerah, negeri dan jenis bencana yang berlaku. Ia dikendalikan dan dikemaskini oleh pegawai dan kakitangan JKM yang berkaitan sebelum, semasa dan selepas kejadian banjir berlaku.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGGIBOL)
SOALAN 34 (A204)**

Sila nyatakan jumlah perbelanjaan yang digunakan untuk projek-projek Kontena termasuk "Pusat Penjaja Kontena" dan "Pusat Kecergasan Kontena" di Kluang, "Gerai Kontena" di Renggam, yang telah dibina tetapi terbengkalai di banyak tempat di Johor.

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Untuk makluman, pembinaan "Pusat Kecergasan Kontena" dan "Gerai Kontena" telah siap dilaksanakan pada tahun 2017 sebagaimana berikut :

Bil.	Tajuk Projek	Kos Projek (RM)
1.	Kerja-kerja Membina Baru Gerai MPK Di Kampung Paya, Kluang 1. Membina semula balairaya Kampung Paya (RM380,000) 2. Membina 16 unit gerai kontena (RM403,892) 3. Kerja-kerja infra (RM200,000)	983,892.00
2.	Kerja-kerja Membina Sebuah Gym Muafakat Di Sungai Mengkibol, Riverine Park, Jalan Cantik, Kluang	94,036.00

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 35 (A150)**

Apakah rancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang yang akan diguna pakai untuk menyelesaikan masalah kepenuhan di semua tapak pelupusan sampah kawasan Johor Utara.

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

JPSPN telah merancang untuk membina TPS Bukit Payong bagi menyelesaikan isu pengurusan sisa pepejal di kawasan Johor Utara yang melibatkan 8 buah PBT iaitu, MD Tangkak, MP Muar, MP Segamat, MD Simpang Renggam, MP Kluang, MP Batu Pahat MD Yong Peng dan MD Labis.

Pembinaan fasiliti tersebut adalah secara berpusat yang selaras dengan konsep Economics Of scale. Melalui pembinaan TPS Bukit Payong, peruntukan kerajaan persekutuan dapat dijimatkan berbanding pembinaan fasiliti pengurusan sisa pepejal bagi setiap PBT. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang mengenal pasti lokasi tapak baru yang bersesuaian bagi menggantikan projek tersebut. Sekiranya projek pembinaan TPS Bukit Payong tidak dapat dilaksanakan, kerajaan persekutuan terpaksa mengalihkan sisa pepejal untuk dilupuskan ke tapak pelupusan yang masih beroperasi sehingga kerajaan negeri dapat mengenal pasti lokasi tapak baru yang bersesuaian.

Seterusnya, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan mengemukakan cadangan baru mengikut kesesuaian tapak yang dicadangkan dan bekerjasama untuk menyelesaikan masalah tapak pelupusan sampah kawasan Johor Utara.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedang mempertimbangkan teknologi *Waste to Energy* (WTE) atau pengasingan sisa pepejal di hilir seperti MRF untuk memanjangkan hayat tapak pelupusan yang sedia ada supaya dapat meringankan beban tapak pelupusan sampah kawasan Johor Utara.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 36 (A151)**

Adakah kerajaan negeri akan melarang penggunaan beg plastik pakai buang dan sila nyatakan rancangan kerajaan negeri untuk melaksanakan.

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Kerajaan Negeri telah mengumumkan pelaksanaan penggunaan bahan pembungkusan biorosot halal bagi menggantikan bekas makan polisterin dan plastik di seluruh negeri berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018. Langkah ini selaras dengan objektif Biokompos dan Biorosot Johor (BBJ) yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri iaitu untuk mengurangkan kebergantungan kepada bahan pembungkusan berasaskan plastik dan polisterin kepada penggunaan bahan alternatif yang boleh urai dan mesra alam untuk peserta industri sedia ada, pemborong, pengedar dan pengguna.

Sebagaimana Pelan Halatuju BBJ yang telah disediakan, fasa pembangunan dan pelaksanaan BBJ adalah selama empat (4) tahun bermula dari tahun 2017 hingga 2021. Rangka tindakan BBJ dilaksanakan melalui pelaksanaan pendekatan strategik yang dijalankan melalui siri ceramah, bengkel, kempen promosi media, karnival tahunan, makan malam amal dan pertandingan komuniti & pelajar. Pelaksanaan pendekatan strategik yang aktif dijalankan melalui satu siri projek perintis, kempen kesedaran dan promosi, CSR dengan memberi ganjaran kepada orang awam melalui kitar semula dan pengurangan edaran pembungkusan plastik & polistirena.

Untuk makluman, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor telah pun melaksanakan arahan larangan penggunaan polisterin terhadap pemilik / pengendali / pengusaha premis makanan bermula 1 Januari 2018. Tahun 2018 merupakan tempoh yang diberikan kepada pemilik/pengendali/pengusaha premis makanan untuk menukar polisterin kepada produk yang lebih mesra alam (terbiodegradasi). Sebagai langkah proaktif, PBT telah membuat promosi larangan penggunaan polisterin tersebut di laman web rasmi, media massa, media elektronik, radio Johor FM, risalah, dan pameran-pameran di setiap majlis rasmi dan gotong-royong.

Tindakan penguatkuasaan seperti tindakan kompaun dan pembatalan lesen sekiranya pemilik/pengendali/pengusaha premis makanan masih melakukan kesalahan akan dilaksanakan bermula tahun 2019. Maklumat larangan penggunaan polisterin telah dicetak dan dimaklumkan di dalam setiap lesen premis perniagaan di dalam kawasan PBT.

Kerajaan Negeri juga akan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan supaya mencapai *zero single-use plastics* pada tahun 2030. Kerajaan Negeri menyokong inisiatif Kerajaan Persekutuan dan sedang membuat kajian dengan mengintegrasikan Pelan Halatuju BBJ dan *Malaysia's Roadmap Towards*

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

Zero Single-Use Plastics 2018-2030 supaya matlamat mengurangkan sisa pepejal dan memastikan pembangunan mampan Negeri Johor dapat dicapai.

Kerajaan Negeri sedang membuat kajian dengan menubuhkan Majlis Karbon Rendah Negeri Johor dan antaranya satu fungsi ialah menyelaras dan memantau pelaksanaan agenda bebas plastik kegunaan tunggal dalam Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 37 (A205)**

Majlis Perbandaran Kluang mempunyai simpanan tetap (FD) sebanyak 9.365 juta dan simpanan tunai sebanyak 15.447 juta, mengikut penyata kewangan 2016. Apakah polisi penyimpanan dan pelaburan wang yang ditetapkan untuk kerajaan tempatan?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Majlis Perbandaran Kluang (MPK) melaksanakan penyimpanan dan pelaburan simpanan tetap berdasarkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan yang terdiri daripada Tuan Yang Dipertua, Setiausaha dan Ahli Majlis yang dilantik dalam Jawatankuasa Kewangan dan Perkara-Perkara Am. Kertas kerja dibentangkan dalam Jawatankuasa Kewangan dan Perkara-Perkara Am untuk kelulusan dan disahkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Kluang.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 38 (A170)**

Apakah rancangan Majlis Perbandaran Batu Pahat berkenaan bangunan lama yang terdapat di tapak stesen bas lama Jalan Omar, Batu Pahat?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Adalah dimaklumkan bahawa tapak tersebut yang berkeluasan 3.09 ekar telah dizonkan sebagai zon komersial di dalam Rancangan Tempatan Daerah (RTD) 2030 (penggantian) yang telah melalui proses pendengaran awam pada 15 dan 16 November 2018.

Tapak ini sebagaimana di dalam RKK Bandar Penggaram 2025 telah memandu Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) untuk ianya dibangunkan sebagai tapak yang boleh memberi pulangan ekonomi kepada peniaga bumiputera atau dalam bentuk bangunan komersial yang boleh menempatkan ruang niaga rakyat beserta kemudahan-kemudahan awam seperti Dewan Konvensyen dan sebagainya bagi disewa kepada pengguna untuk aktiviti-aktiviti masyarakat setempat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)
SOALAN 39 (A38)**

Nyatakan secara terperinci pelan perancangan dan tindakan yang diusahakan oleh kerajaan Negeri untuk membangunkan sektor perindustrian di Daerah Segamat ? Nyatakan apakah yang telah direalisasikan dan kekangan-kekangan yang dihadapi dalam usaha itu dan cadangan jalan penyelesaiannya.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Segamat merupakan daerah paling utara yang terletak di Negeri Johor. Bandar Segamat merupakan Pusat Wilayah Negeri dan ianya terletak di antara 4 konurbasi utama penting iaitu Johor Bahru (186 km), Kuantan (180 km), Kuala Lumpur (200 km) dan Bandar Melaka (100 km). Daerah ini dikelilingi enam (6) gugusan Felda iaitu Pemanis, Kemelah, Palong Timur, Redong, Medoi dan Selancar. Harga tanah di Daerah Segamat masih lagi rendah berbanding daerah-daerah lain di Negeri Johor selain masih terdapat banyak tanah berpotensi.

Daerah Segamat merupakan antara daerah pengeluaran utama Negeri Johor bagi tanaman komoditi seperti getah dan kelapa sawit. Kerajaan Negeri menyasarkan Segamat sebagai Daerah Industri Asas Tani dengan fokus pembangunan industri berasaskan pertanian, penternakan, perkayuan, perusahaan makanan dan bio-diesel. Pembangunan Infrastruktur utama Kerajaan Persekutuan yang terlibat di daerah Segamat adalah Projek Naiktaraf Jalan Segamat – Tangkak dan Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru.

Di dalam Strategi Pembangunan Industri MPS 2030 oleh Majlis Perbandaran Segamat, terdapat tujuh (7) strategi yang telah di rancang bagi merencanakan lagi pembangunan kawasan industri di Segamat. Strategi pertama adalah pengukuhan aktiviti industri sedia ada berasaskan pendekatan konsep kluster. Setiap mukim akan diklasifikasikan kepada beberapa kluster seperti berikut:-

- a) Kluster Industri Kayu – Gemas dan Batu Anam.
- b) Kluster Industri Perkayuan (Industri ringan , sederhana) –Industri Segamat 2.
- c) Kluster Industri Asas Tani/Bioteknologi (Indusri ringan sederhana) –Batu 12, Buloh Kasap dan Industri Segamat 2.
- d) Kluster Industri Gudang/Warehouse –Jementah.

Strategi kedua adalah mengutamakan aktiviti industri berasaskan sumber pertanian bagi menyokong Segamat sebagai “Agriculture Powerhouse “ Antara cadangan industri tersebut adalah : -

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

- a) Industri Halal Food Park dimana ianya menyokong aktiviti pertanian dan penternakan di daerah Segamat dan focus utama segmen ini adalah untuk mendapatkan status HALMAS dari HDC.
- b) Industri Kawasan Taman Kekal Pengeluaran Pertanian (TKPM) dimana ianya memproses produk pengeluaran (TKPM). Dengan wujudnya cadangan ini , ianya mampu mengurangkan kos pengangkutan bahan mentah ke pusat pemrosesan.

Strategik ketiga adalah menggalakkan Industri Utama dan Industri Hiliran bagi menghasilkan produktiviti yang lebih tinggi. Manakala strategik keempat adalah menggalakkan Pembangunan Industri Baru yang mengutamakan konsep "Gated and Guarded" dan Menerapkan Konsep "Clean and Green". Antara cadangan pembangunan industri baru yang akan dirancang pada masa hadapan di Segamat adalah pembangunan perindustrian baru berkonsepkan kluster dapat mendorong penyediaan kawasan industri berbentuk "gated and guarded" dan menerapkan konsep "clean and green". Pendekatan ini mampu memberi kelebihan dalam memperkukuhkan pembangunan kluster industri dan meningkatkan rangkaian ekonomi antara pertubuhan Multinasional dengan firma tempatan. Ianya juga menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara komprehensif dalam kluster berkaitan dan merangka pelan strategik bagi setiap kawasan yang dipilih dari segi spatial dan tadbir urus bagi memenuhi keperluan pelabur, pekerja dan pengguna.

Di dalam strategik keempat ini juga ada cadangan menyediakan asrama pekerja dimana pengurusan pekerja serta kebajikan lebih baik dan mampu menambahbaik proses pembangunan sosial golongan pekerja-pekerja kilang. Ianya juga memudahkan pihak berkuasa untuk mengenalpasti kewujudan tenaga pekerja yang sah dan tidak sah.

Untuk strategik kelima dalam Strategi Pembangunan Industri MPS 2030, pelaksanaan penguatkuasaan industri tanpa kebenaran dan industri yang menimbulkan pencemaran di mana ianya melibatkan dua cadangan program iaitu Program pemutihan industri tanpa kebenaran merancang dan juga program penguatkuasaan terhadap industri-industri yang menyebabkan pencemaran. Bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan tenaga kerja industri selaras dengan perubahan orientasi, operasi dan teknologi Industri, strategik keenam ini memberi cadangan untuk menambah kursus-kursus yang ada di IPTA/ IPTS dengan memberikan penekanan kepada program Technical and Vocational Educatin and Training (TVET). Dan strategik ketujuh dan terakhir adalah menyediakan kemudahan Sokongan Bagi Membantu Aktiviti Perindustrian Beroperasi Secara Terurus. Antara cadangan di dalam strategik ketujuh ini adalah :

1. Cadangan Meningkatkan Aksesibiliti

- Cadangan Lebuhraya Baharu (Gemas-Segamat-Kluang-Pasir Gudang)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

- Cadangan jalan-jalan baharu yang menghubungkan kawasan-kawasan perindustrian dan laluan-laluan darat utama.
2. Cadangan Penyediaan Keperluan Infrastruktur Kawasan Perindustrian.
- Infrastruktuktur Bekalan Elektrik perlu ditingkatkan.
 - Rangkaian Jalur Lebar yang lebih pantas dan cekap.
3. Cadangan Pengukuhan Segamat Inland Port (SIP)
- Pembangunan kluster industry yang bersesuaian di sekitar Segamat Inland Port.

Kekangan yang dihadapi oleh Daerah Segamat terutama dalam sektor perindustrian adalah Pertumbuhan Industri yang perlahan. Hanya 9.14 % kawasan industri telah dibangunkan berbanding keseluruhan kawasan kluster Industri RTD Segamat 2008-2020. Selain itu, infrastruktur dan utiliti belum mencapai keperluan optima bagi pembangunan perindustrian terutamanya perkhidmatan jalur lebar dan bekalan elektrik seperti di Taman Perindustrian Segamat 2 dan Taman Perindustrian SIP. Keperluan kepada industri intensif buruh dan berteknologi tinggi yang boleh mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan menjana pertumbuhan ekonomi daerah Segamat. Dan yang paling utama Sistem perhubungan pengangkutan darat yang kurang memuaskan khususnya sambunagn ke Lebuhraya utama.

Cadangan penyelesaian yang boleh diusulkan kepada Kerajaan Persekutuan melalui Kerajaan Negeri adalah dengan menyediakan peruntukan bagi pembangunan dan penaiktarafan infrastruktur-infrastruktur asas bagi pembangunan industri. Selain itu, meningkatkan tahap aksesibiliti ke kawasan Majlis Perbandaran Segamat dengan pembangunan infrastruktur perhubungan jalanraya yang komprehensif. Kerajaan Negeri diminta untuk memperkenalkan insentif-insentif khusus bagi Daerah Segamat yang mampu menarik pelaburan ke Daerah Segamat umumnya dan kawasan Majlis Perbandaran Segamat.

Selain itu, memohon Kerajaan Persekutuan mengekalkan Segamat sebagai sebahagian daripada ECER (East Coast Economic Region). Untuk agensi-agensis promosi pelaburan Negeri Johor agar dapat mempromosikan Segamat sebagai destinasi pelaburan bagi pembangunan industri berasaskan pertanian makanan, tanaman komoditi dan juga biojisim.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI (SEMARANG)
SOALAN 40 (A44)**

Sejauh mana projek RAPID di Pengerang memberi manfaat kepada sosio ekonomi setempat dan negeri Johor sehingga kini?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Secara keseluruhan, pembangunan Fasa 1 Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (Pengerang Integrated Petroleum Complex, PIPC) berjalan dengan baik. Dua projek pemangkin di dalam PIPC, iaitu Pengerang Deepwater Terminals (PDT) yang diusahakan oleh DIALOG Group Berhad dan rakan-rakan niaganya, dan PETRONAS Pengerang Integrated Complex (PETRONAS PIC) termasuklah komponen Refinery and Petrochemical Integrated Development (RAPID) dengan kerjasama Saudi Aramco menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan. Secara keseluruhan, kira-kira 38% daripada kawasan industri hiliran minyak dan gas PIPC telah dimajukan.

Pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang telah memberi sumbangan sosio-ekonomi kepada negeri dan rakyat Johor seperti berikut:

- (1) Syarikat – syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan Negeri Johor berpeluang mengambil bahagian dalam pembangunan industri hiliran minyak dan gas di PIPC. Johor Corporation sedang membangunkan Pengerang Industrial Park (PIP), sebuah kawasan perindustrian seluas 786 ekar berhampiran Kompleks Bersepadu Pengerang PETRONAS (PETRONAS PIC) yang akan menyediakan tempat bagi syarikat-syarikat petrokimia dan loji pembuatan produk hiliran berasaskan petrokimia.

Perbadanan Islam Johor pula, melalui anak syarikatnya, Presind Samudra Sdn Bhd, turut terlibat dalam projek Pengerang eco-Industrial Park (PeIP) yang dimajukan oleh Serba Dinamik Holdings Berhad, iaitu sebuah syarikat perkhidmatan kejuruteraan minyak dan gas yang tersohor di Malaysia. Projek di atas tapak seluas 68 ekar milik Presind Samudra ini akan menjadi pusat perkhidmatan 'maintenance, repair and overhaul' (MRO) dan 'inspection, repair and maintenance' (IRM) untuk industri hiliran minyak dan gas di PIPC, serta turut menyediakan khidmat latihan teknikal untuk pekerja-pekerja industri.

- (2) Pada fasa pembinaan PETRONAS PIC, sebanyak 236 syarikat bumiputera Johor telah dilantik untuk menjalankan kerja-kerja dengan nilai kontrak berjumlah USD645.1 juta. Ini melibatkan kerja-kerja termasuk pembinaan, penyenggaraan, pemasangan paip, kejuruteraan elektrik, serta pembekalan pekerja, khidmat pengangkutan dan marine hardware. Pada titik kemuncak pembinaan PETRONAS PIC, sebanyak 63,267 pekerja terlibat dalam kerja-kerja pembinaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 9,050 pekerja adalah

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

anak Johor, 29,776 pekerja adalah rakyat Malaysia dari negeri-negeri lain, manakala selebihnya, 24,441 adalah pekerja asing.

- (3) Fasa pembinaan PETRONAS PIC turut membuka peluang perniagaan baharu dan meningkatkan jualan perniagaan – perniagaan tempatan di Pengerang, khususnya di kawasan-kawasan komersil seperti Bandar Penawar dan Pekan Sungai Rengit. Ini termasuk beberapa koperasi tempatan serta usahawan-usahawan kecil dan sederhana di Pengerang yang berpeluang menjadi pembekal dan penyedia perkhidmatan untuk kerja-kerja projek. Seterusnya Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC) sedang menggalakkan dan membimbing syarikat-syarikat tempatan untuk mempersiapkan diri dan mendaftar dengan PETRONAS untuk melayakkan diri sebagai pembekal kepada PETRONAS PIC pada fasa operasi bermula 2019.
- (4) Pembangunan PIPC turut membuka peluang kepada pekerja-pekerja tempatan di Pengerang dan Kota Tinggi khususnya serta negeri Johor amnya untuk membina dan meningkatkan kemahiran teknikal masing-masing agar mampu merebut peluang pekerjaan dalam industry hiliran minyak dan gas. Untuk tujuan ini, sejak 2013-2017 pelbagai program latihan kemahiran dengankerjasama institusi-institusi teknikal telah dilaksanakan. Hasilnya dibawah programm akreditasi industri minyak dan gas, sebanyak 2,130 pelatih dari kalangan anak Johor telah melalui latihan di Institusi Kemahiran Belia Negara di Bandar Penawar dan 748 anak Johor dilatih di Institusi Kemahiran Belia Negara di Bandar Penawar dengan kerjasama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Johor pelagai latihan pendedahan operasi industri hiliran minyak dan gas untk 400 graduan anak Johor dalam bidang kejuruteraan dari pelbagai universiti di Malaysia telah diberikan. Sementara itu, dengan sokongan dana latihan daripada Unit Perancang Ekonomi yang disalurkan melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), JPDC telah mengelolakan latihan teknikal industri untuk 400 pekerja anak Johor di tujuh institusi teknikal dan vokasional di Johor. Kita bersyukur kerana lebih 90 peratus daripada pekerja yang menerima latihan ini telah diambil bekerja. JPDC merancang akan meneruskan program latihan yang seumpama ini untuk memenuhi keperluan operasi pelabur-pelabur di PIPC.

Ini adalah antara impak sosio-ekonomi yang ketara kesan daripada pembangunan PIPC.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI (BUKIT PERMAI)
SOALAN 41 (A48)**

YAB Dato' Menteri Besar Johor telah mengumumkan bahawa kerajaan akan berusaha untuk meneruskan Projek Pembinaan Jambatan Bengkok. Apakah keberuntungan dari projek ini dan implikasi dari kos projek tersebut kepada kerajaan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Projek jambatan bengkok merupakan ilham daripada Tun Dr Mahathir Mohamad ketika menjadi perdana menteri ke-4.

Mengikut perancangan asal, jambatan sepanjang 1.4 kilometer yang juga dikenali sebagai Jambatan Indah sepatutnya dibina bagi menggantikan Tambak Johor sepanjang 1.06 kilometer yang sudah digunakan sejak tahun 1923.

Kerajaan Negeri secara dasarnya menyokong dan berusaha untuk mewujudkan kembali cadangan projek Jambatan Bengkok ini.

Projek Pembinaan Jambatan Bengkok ini masih lagi dalam peringkat perancangan awal dan beberapa faktor perlu diambilkira bagi memastikan projek ini dapat memberikan manfaat kepada rakyat Negeri Johor serta mengurangkan implikasi kos yang besar kepada Kerajaan Persekutuan mahupun kerajaan negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 42 (A81)**

Minta dinyatakan selain program Bantuan Sara Hidup kepada golongan B40 yang dibentangkan dalam Belanjawan 2019, apakah program khusus yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri Johor untuk rakyat Johor, terutamanya untuk golongan M40 yang terpinggir dalam Belanjawan 2019?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Pihak kerajaan negeri sentiasa mengambil berat tentang keperluan golongan yang memerlukan khususnya golongan M40 di negeri Johor. Antara inisiatif baru yang disediakan khusus untuk golongan M40 adalah penyediaan rumah di bawah segmen Perumahan Mampu Biaya yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri dengan harga antara RM250 ribu hingga RM300 ribu.

Selain daripada itu, menerusi program pembangunan industri asas tani Jabatan Pertanian akan membantu usahawan yang sedang berkembang antaranya dari golongan M40 dan B40 berkaitan aspek pembungkusan, sijil halal dan strategi pemasaran.

Dalam bidang keusahawanan juga, kerajaan negeri turut memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta bagi pelaksanaan Inisiatif Usahawan Mikro yang mana mengikut definisi, usahawan mikro adalah mereka yang berpendapatan RM300 ribu ke bawah tahunan dengan peruntukan sebanyak RM1.5 juta dan akan memberi manfaat kepada 300 orang usahawan. Inisiatif ini akan berperanan sebagai penggalak kepada kumpulan usahawan mikro dari pelbagai bidang. Ia meliputi latihan, bantuan mesin, peralatan dan promosi bagi membantu usahawan tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI (SEMARANG)
SOALAN 43 (A45)**

Menurut draf Rancangan Struktur Negeri Johor 2030, Forest City akan menjadi salah satu pembentukan Zon Antarabangsa dalam koridor Pembangunan Selat Johor, berikutan impak positif yang akan dijana kepada ekonomi Johor. Apakah atau bagaimanakah perkembangannya setakat ini?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Projek Forest City yang dibangunkan di atas kawasan tanah tambakan di sebelah barat Selat Johor merupakan kawasan pembangunan bercampur yang akan mempunyai komponen perumahan dan perdagangan komersil. Kerajaan Persekutuan juga telah mengumumkan bahawa Forest City diberi taraf "Bebas Cukai" yang mana akan menjadikan projek Forest City sebagai projek 'catalyst' bagi pembangunan akan datang.

Jumlah kawasan penambakan Pulau Satu Forest City telah mencapai 50%. Dua lebuh raya sepanjang 9.6km telah siap dibina oleh Country Garden Pacificview Sdn. Bhd. Pada Ogos 2018, Sekolah Antarabangsa Amerika, Shattuck St Mary's International School di Forest City telah memulakan pengambilan pertama pelajar-pelajarnya dan juga penyerahan 482 unit kondominium Cerulean Bay kepada para pembeli.

Pada September 2018, Majlis Pembukaan Rasmi Forest City Golf Resort yang mengandungi 301 bilik dan 3 padang golf 18 lubang yang direka oleh Jack Nicklaus dan anaknya Jack Nicklaus II telah dibuat.

Setakat ini, lebih daripada 80% kakitangan Forest City adalah merupakan rakyat Malaysia. Sumbangan ekonomi yang telah dijana daripada projek ini adalah sebagaimana berikut:

Sumbangan Ekonomi melalui cukai Persekutuan ialah RM 83 juta. Jumlah pelaburan yang dibuat RM11.5 billion. Kontrak kepada pembekal tempatan RM1.5 billion. Sumbangan tanggungjawab sosial korporat RM 10 juta.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD. NOR (KEMELAH)
SOALAN 44 (A105)**

Apakah mekanisme kerajaan negeri bagi menyelaraskan bantuan (alatan, kewangan) yang diberi oleh pelbagai agensi kerajaan bagi memastikan pertindihan bantuan tidak berlaku serta pemantauan yang berkesan terhadap golongan yang menerima bantuan tersebut?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman YB Kemelah, Kerajaan telah menyalurkan pelbagai bantuan kepada golongan sasaran terutamanya kepada golongan yang berpendapatan terendah 40% (B40), Miskin dan Miskin Tegar.

Sehubungan itu, mekanisme yang dilaksanakan dalam Program Pembasmian Kemiskinan Negeri Johor adalah melalui Mesyuarat *Focus Group* Daerah yang dilaksanakan setiap bulan. Melalui jawatankuasa ini, setiap peserta yang dicadangkan untuk menerima bantuan akan dimuktamadkan dan disahkan bagi memastikan tiada pertindihan bantuan dan peserta yang disenaraikan adalah layak untuk menerima bantuan tersebut.

Pemantauan bantuan terutamanya bantuan Program ekonomi daripada beberapa Kementerian atau Jabatan seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Kementerian Pertanian Industri dan Asas Tani, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diselarasikan setiap tiga bulan melalui Mesyuarat *Focus Group* Daerah.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

**YB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD. YASSIN (GAMBIR)
SOALAN 45 (A32)**

Mohon nyatakan statistik kemiskinan di negeri Johor dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk membasmi kemiskinan di negeri ini.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman YB Ahli-Ahli Yang Berhormat, pelbagai bantuan bagi membantu rakyat menangani kos sara hidup disediakan oleh kerajaan sama di peringkat negeri dan persekutuan antaranya bantuan dalam bentuk peralatan perniagaan, bantuan pendidikan, pertanian dan sebagainya.

Bagi tujuan koordinasi bentuk bantuan yang akan disalurkan, pihak jabatan dan agensi akan merujuk kepada sistem e-kasih yang dibangunkan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan yang merupakan Bank Data Kemiskinan Nasional yang mengandungi maklumat mengenai kemiskinan bermula dari profil individu, penyelarasan maklumat bantuan yang diterima oleh Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) daripada agensi pemberi bantuan sehinggalah kepada permohonan bantuan dan pemantauan keberkesanan penyaluran bantuan.

Untuk makluman Ahli YB Gambir, Sehingga 15 November 2018, jumlah Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin dan Miskin Tegar yang berdaftar dalam sistem eKasih adalah sebanyak 24,353 KIR. Daripada jumlah tersebut sebanyak 158 KIR (0.6%) berstatus Miskin Tegar, 3,450 berstatus Miskin (14.2%) dan 20,745 (85.2%) berstatus Terkeluar. Tiga daerah yang mempunyai KIR Miskin Tegar tertinggi adalah Batu Pahat (33KIR) , Kota Tinggi (28KIR) dan Muar (27KIR).

Pelbagai agenda dan Program Kemiskinan telah dilaksanakan oleh Jabatan/ Agensi pelaksana sepanjang tahun bagi membantu meringankan beban golongan miskin antaranya:

(1) Program Bantuan Rumah

Agensi Pemberi bantuan: Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Majlis Agama Negeri Johor (MAIJ), Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor
Kadar Bantuan : Bina Baru : RM56,000 dan Baik Pulih RM13,000.

(2) Program Ekonomi

Agensi pemberi bantuan: Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Kadar bantuan : RM10,000

(3) Program Sosio Kebajikan

KARISMA daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat:

(a) Bantuan Kanak-Kanak

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

RM100 setiap anak dengan kadar maksimum RM450 bagi anak yang melebihi 4 orang.

- (b) **Bantuan Orang Tua**
RM350 sebulan seorang
- (c) **Bantuan Am**
RM200 sebulan seorang
- (d) **Elaun Pekerja Cacat (EPC)**
RM400 sebulan seorang
- (e) **Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja**
RM250 sebulan seorang
- (f) **Bantuan Penjagaan OKU Terlantar Dan Pesakit Kronik Terlantar**
RM350 sebulan seorang
- (g) **Bantuan Alat Tiruan (BAT) / Alat Sokongan**
Kadar sebenar alat tiruan

(4) Bantuan Sara Hidup (BSH) Rakyat

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kementerian Kewangan

- (a) Isi rumah berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah menerima bantuan berjumlah RM1,000;
- (b) Isi rumah berpendapatan bulanan dari RM2,001 hingga RM3,000 menerima bantuan berjumlah RM750;
- (c) Isi rumah berpendapatan bulanan dari RM3,001 hingga RM4,000 menerima bantuan berjumlah RM500; dan
- (d) Anak yang berumur 18 tahun ke bawah menerima bantuan RM120 seorang

(5) Program Pembasmian Kemiskinan Bandar

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

- (a) **Baik Pulih Rumah**
RM13,000 seunit
- (b) **Kiosk penjaja**
RM15,000 seunit

Di samping itu, mekanisme dalam Program Pembasmian Kemiskinan, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri memantau isu kemiskinan melalui Mesyuarat *Focus Group* Negeri dan Mesyuarat *Focus Group* Daerah. Kes-kes kemiskinan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2018**

yang perlu bantuan segera dilaksanakan secara *flying squad* dan Mobile Team bagi membantu secara *outreach* golongan sasaran dalam menerima bantuan.

Selain itu, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi tempoh 2016-2020, tumpuan diberikan untuk meningkatkan peluang ekonomi dan penyertaan isi rumah B40 bagi memastikan taraf hidup rakyat dapat ditingkatkan ke arah Malaysia sebuah negara maju.

Antara strategi yang telah dirancang dalam RMKe-11 adalah seperti berikut:

- (a) Mencapai akses secepat kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti; dan
- (b) Menyediakan perumahan mampu milik yang mencukupi dan berkualiti.